

SAINS MAKANAN
NORFEZAH MD NOR (Foto Penulis)

PANDEMIK COVID-19 ANCAMAN KRISIS KESELAMATAN MAKANAN

Dunia dikejutkan dengan penularan pandemik COVID-19 bermula Januari 2020 dan meningkat secara mendadak pada Mac 2020 sehingga mendesak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020.

Penyakit koronavirus 2019 (COVID-19) ialah penyakit yang menyebabkan kesukaran bernafas yang mudah tersebar daripada seorang individu kepada individu yang lain. Virus COVID-19 ialah *coronavirus novel* yang pertama kali dikenal pasti semasa penularan wabak tersebut di Wuhan, China. Virus ini tersebar melalui titisan pernafasan (batuk atau bersin) yang dihasilkan apabila seseorang dijangkiti virus tersebut. Selain itu, seseorang itu boleh positif COVID-19 melalui sentuhan pada permukaan atau objek yang terdapat virus di atasnya dan kemudian menyentuh mulut, hidung, atau mungkin mata mereka. Namun begitu, hal ini tidak dianggap sebagai cara utama berlakunya perebakan virus tersebut.





Rajah 1 Kesan pandemik COVID-19 kepada kesihatan dan sosioekonomi.

Secara amnya, pandemik ialah wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas merentasi sempadan, malah hingga seluruh dunia. Wabak ini yang pada mulanya dikesan pada pertengahan Disember 2019 di Wuhan telah memberikan kesan yang sangat ketara kepada seluruh dunia termasuk Malaysia dari segi kesihatan, kerencatan aktiviti ekonomi, psikologi serta ancaman krisis keselamatan makanan terutama rantaian bekalan makanan.

Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meramalkan bahawa akan berlaku kekurangan makanan di seluruh dunia jika pihak berkuasa di setiap negara yang mengalami wabak ini, gagal mengurus krisis COVID-19 dengan betul. Selain itu, pelbagai implikasi bakal berlaku dan akan dihadapi hampir seluruh negara di dunia.



Aspek keselamatan makanan perlu diberi perhatian yang serius dalam musim pandemik COVID-19 yang sedang dialami dunia kini.

Pada asalnya, konsep keselamatan makanan berdasarkan FAO dapat dibahagikan kepada tiga komponen yang merangkumi kecukupan pengeluaran makanan; kestabilan bekalan makanan; dan akses fizikal serta ekonomi oleh kumpulan yang memerlukan. Walau bagaimanapun, definisi konsep ini diperincikan lagi kepada empat komponen, iaitu Kesediaan Makanan (*Food Availability*), Akses Makanan (*Food Access*), Penggunaan Makanan

(*Food Utilization*) dan Kestabilan Makanan (*Food Stability*).

Seterusnya pada tahun 2001, definisi keselamatan makanan terus disemak dan dikaji semula sehingga memberikan takrifan baharu. Takrifan yang lebih luas itu ialah keselamatan makanan wujud apabila setiap orang, setiap saat, mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan makanan

Jadual 1 Ancaman daripada implikasi COVID-19, selain krisis makanan.

Bil.	Ancaman daripada Implikasi COVID-19
1.	COVID-19 akan menimbulkan ancaman besar kepada negara-negara yang menderita kemiskinan dan infrastruktur penjagaan kesihatan yang kurang baik.
2.	COVID-19 menimbulkan ancaman besar kepada negara-negara yang tidak mempunyai jaringan keselamatan sosial yang mantap. *
3.	COVID-19 boleh mengundang kematian bagi orang yang menderita kelaparan yang teruk atau kronik.
4.	COVID-19 boleh menyebabkan terputusnya rantaian bekalan makanan, kekurangan makanan dan kenaikan harga makanan.
5.	COVID-19 boleh menyebabkan ekonomi global menjadi perlahan atau memperlahankan ekonomi atau jatuh dalam kemelesetan, memburukkan kemiskinan dan kelaparan yang melampau.